

KHUTBAH JUMAAT

'MENGEJAR IMPIAN MENGGAPAI HARAPAN'

(12 Januari 2018M/ 24 Rabiulakhir 1439H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا، وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، وَصَفِيُّ اللَّهِ مِنْ خَلْقِهِ، وَحَبِيبُهُ، إِمَامُ الْأَنْبِيَاءِ وَسَيِّدُ الْمُرْسَلِينَ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita akan mendapat keberkatan di dunia dan di akhirat. Khutbah hari ini akan membicarakan tajuk:

“ Mengejar Impian Menggapai Harapan ”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Setiap manusia pasti mempunyai keinginan, impian dan juga harapan, dan salah satunya adalah kejayaan di masa depan. Melalui impian dan harapan ini, terbangun tujuan hidup yang dimulai dengan bekerja keras, menuntut ilmu melalui pendidikan, mencari pekerjaan dengan pendapatan yang tinggi serta melakukan pelbagai jenis usaha yang dianggap tepat untuk menggapai impian mereka.

Khatib yakin, segala peristiwa sepanjang tahun 2017 lalu menyuntik motivasi buat kita untuk meneruskan impian serta azam

kecemerlangan dalam tahun 2018 ini. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* mengampuni dosa-dosa kita dan memberkati segala amalan kebaikan kita serta mengurniakan kekuatan iman yang berterusan untuk kita di tahun baru ini. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah al Mukmin, ayat 40:

﴿ مَنْ عَمِلَ سَيِّئَةً فَلَا يُجْزَىٰ إِلَّا مِثْلَهَا ۖ وَمَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّن ذَكَرٍ أَوْ أَنَّىٰ
وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ يُرْزَقُونَ فِيهَا بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴾

Maksudnya : “Sesiapa yang mengerjakan kejahatan maka ia tidak dibalas melainkan dengan kejahatan yang sebanding dengannya; dan sesiapa yang mengerjakan amal salih dari lelaki atau perempuan sedang ia beriman, maka mereka itu akan masuk Syurga; mereka beroleh rezeki di dalam Syurga itu dengan tidak dihitung”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Hakikatnya kita memasuki fasa tahun 2018 dengan penuh harapan dan impian besar yang meliputi pelbagai aspek kehidupan seharian. Walaupun azam tahun baharu setiap individu itu berbeza mengikut kehendak dan impian masing-masing, namun secara keseluruhannya, impian dan harapan kita, khususnya sebagai umat Islam di Malaysia boleh dirumuskan berdasarkan beberapa aspek utama yang seiring dengan tuntutan *Maqasid As-Shariyah* seperti isu peningkatan kos sara hidup, hala tuju pendidikan, soal perpaduan kaum, tahap kemajuan kesihatan, kebajikan dan kehidupan sosial serta kestabilan politik, keamanan dan keselamatan negara.

Namun, jika diteliti, kesemua harapan yang ingin diperolehi ini adalah bertitik tolak daripada satu perkara penting iaitu keamanan. Tanpa keamanan, tidak mungkin sebarang harapan dan perancangan berjaya diperolehi. Keamanan adalah faktor terpenting dalam menjayakan segala jenis sasaran atau matlamat yang ingin dicapai bukan sahaja pada tahun ini malahan pada tahun-tahun yang mendatang. Oleh yang demikian, adalah penting kita selaku umat Islam bersatu mencari jalan untuk memastikan agar segala isu berbangkit sepanjang tahun 2017 tidak terus merebak dan berpanjangan pada tahun 2018 ini.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Khatib sangat yakin bahawa usaha yang berasaskan prinsip keadilan ajaran Islam yang sebenar, segala permasalahan yang kusut dapat dileraikan dengan pertolongan daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Semoga dengan itu juga, rakyat dan negara terus mendapat rahmat Allah *subhanahu wata'ala* sebagaimana firman-Nya dalam Surah al Ankabut, ayat 69:

﴿وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ﴾

Maksudnya: “Dan orang yang berusaha berjuang kepada agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami, dan sesungguhnya Allah adalah berserta orang yang berusaha membaiki amalannya”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Di samping nikmat keamanan, kita juga perlu memperakui dan

menghargai nikmat kesihatan dan kelapangan masa. Insafilah bahawasanya manusia tidak selalu berkeadaan sihat. Masa sihat boleh bertukar kepada keadaan sakit kerana kedua-duanya adalah pemberian dan ketentuan Allah *subhanahu wata'ala*. Jika sewaktu sihat, seseorang mukmin itu mensia-siakan kesihatannya untuk beribadah dan beramal soleh kepada Allah *subhanahu wata'ala*, maka rugilah ia kerana ketika sakit menimpa segala pergerakannya sangat terbatas. Lebih malang, jika sakitnya berterusan dan menghalangnya untuk beribadah dan beramal soleh dengan selesa.

Turut dicuaikan oleh kebanyakan manusia juga adalah nikmat kelapangan masa. Sememangnya Allah *subhanahu wata'ala* memberikan kita masa 24 jam sehari yang perlu digunakan untuk bekerja, beribadah dan berehat. Masa rehat bukan bermakna kita membuang masa dengan tidur atau leka bermain tetapi perlu di isi dengan perkara bermanfaat melalui pelbagai amal ibadah, mencari ilmu untuk kebaikan dunia dan akhirat serta memperelokkan akhlak.

Namun, masih ada yang terpedaya dengan nikmat masa lapang dan akhirnya membiarkannya berlalu begitu saja tanpa pengisian yang berfaedah atau aktiviti berunsur kebajikan. Jika dalam masa yang lapang pun ada yang tidak menggunakannya untuk mengingati Allah, apatahlagi dalam keadaan sibuk mengejar keuntungan dan kebahagiaan dunia. Kealpaan yang sedemikian menyebabkan manusia sering berada dalam keadaan keluh kesah dengan urusan dunia dan dihindang penyakit tidak bersyukur. Sifat ini digambarkan Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Al-Ma'arij, ayat 19 hingga 21:

﴿إِنَّ الْإِنْسَانَ خُلِقَ هَلُوعًا ﴿١٩﴾ إِذَا مَسَّهُ الشَّرُّ جَزُوعًا ﴿٢٠﴾ وَإِذَا مَسَّهُ الْخَيْرُ مَنُوعًا ﴿٢١﴾﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut). Apabila ia ditimpa kesusahan, ia sangat resah gelisah. Dan apabila ia beroleh kesenangan, ia sangat bakhil kedekut”.

Kaum muslimin yang dirahmati,

Imam Ibnul Jauzi *rahmatullahi alaih* pernah menasihatkan bahawa dunia ini adalah ibarat ladang beramal untuk dituai hasilnya di akhirat nanti. Sesiapa memanfaatkan waktu lapang dan sihat dalam rangka agenda ketaatan, maka dia akan beroleh kebahagiaan. Sebaliknya jika digunakan dalam kancah kemaksiatan, maka dia sudah tertipu. Waktu lapang baginya, penuh dengan kesibukan manakala masa sihatnya pula tidak menyenangkan.

Dalam hal ini Baginda Nabi *sallallahu alaihi wasallam* berpesan di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Hakim *rahmatullahi alaih* :

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ لِرَجُلٍ وَهُوَ يَعِظُهُ اغْتَنِمْ حَمْسًا قَبْلَ حَمْسٍ: شَبَابَكَ قَبْلَ هَرَمِكَ، وَصِحَّتَكَ قَبْلَ سَقَمِكَ، وَغِنَاكَ قَبْلَ فَقْرِكَ، وَفَرَاغَكَ قَبْلَ شُغْلِكَ، وَحَيَاتَكَ قَبْلَ مَوْتِكَ

Maksudnya: *Daripada Ibnu Abbas radhiallahu anhu* berkata, *Rasulullah sallallahu alaihi wasallam* bersabda: “Pergunakan lima perkara sebelum datang lima perkara lain, (iaitu) masa mudamu sebelum masa tuamu, masa sihatmu sebelum sakitmu, masa

kayamu sebelum masa miskinmu, masa lapangmu sebelum masa sibukmu dan masa hidupmu sebelum matimu.”

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Di kesempatan ini, khatib ingin menganjurkan marilah kita bersama-sama beriltizam dan bertekad bagi tahun 2018 ini untuk mengambil peluang memenuhi masa kita dengan menuntut pelbagai ilmu bermanfaat sebagai persiapan diri kita menghadapi cabaran-cabaran kehidupan mendatang. Selain itu, budaya ilmu hendaklah sentiasa subur dan mekar di sekeliling kita bagi menjamin kelestarian hidup apatah lagi bagi mencapai darjat kebahagiaan hidup dunia mahupun akhirat. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah Al-Mujadalah, ayat 11:

﴿يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ﴾

Maksudnya: “..Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) dengan beberapa darjat. dan (ingatlah), Allah Maha mendalam pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah, terdapat tiga elemen penting yang boleh kita jadikan panduan kita hari ini dalam mendepani tahun baharu ini iaitu:

Pertama: Nikmat keamanan dalam kehidupan hendaklah sentiasa dipelihara bersama dengan berteraskan nilai-nilai ajaran Islam yang sebenar;

Kedua: Kesihatan dan kelapangan masa perlu dihargai dan disyukuri serta diurus dengan sempurna sebelum ia berlalu; dan

Ketiga: Tuntutan budaya ilmu yang bermanfaat dalam kehidupan akan menjamin kebahagiaan dunia dan akhirat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿وَمَا هَذِهِ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَهُوٌّ وَلَعِبٌ وَإِنَّ الدَّارَ الْآخِرَةَ لَهِيَ الْحَيَوَانُ لَوْ كَانُوا

يَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya: “Dan (ingatlah bahawa) kehidupan dunia ini (meliputi segala kesenangan dan kemewahannya, jika dinilai dengan kehidupan akhirat) tidak lain hanyalah ibarat hiburan dan permainan; dan Sesungguhnya negeri akhirat itu ialah kehidupan yang sebenar-benarnya; kalaulah mereka mengetahui (hakikat ini tentulah mereka tidak akan melupakan hari Akhirat)”. (Surah Al-Ankabut: 64)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Ampunkanlah dosa dan kesalahan kaum muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat, sama ada yang masih hidup ataupun yang telah meninggal dunia. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia ini, lebih-lebih lagi di akhirat kelak.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Islam Negara kami,

khasnya kepada *Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia*, dan juga pemimpin-pemimpin Islam negeri kami, khususnya *Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak*.

Ya Allah, kami memohon ke hadratMu, kukuhkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, eratkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan keterampilan yang bermanfaat. Suburkanlah peribadi kami dengan budi pekerti yang mulia, bimbinglah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada ujianmu seperti banjir besar, kemarau panjang, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan kebuluran. Kami berlindung dan bermohon denganMu Ya Allah, semoga negeri kami akan sentiasa bertambah aman, makmur dan berkat.

Pada hari yang mulia ini juga, kami memohon ke hadratMu ya Allah, jadikanlah setiap individu generasi muda di kalangan remaja dan belia generasi pelapis negara dan negeri kami ini golongan yang beramanah, bertanggungjawab, dan berakhlak mulia agar dapat membentuk sebuah masyarakat yang baik, aman dan bertamadun, serta mendapat keampunan, keredhaan dan berkat daripadaMu, ya Allah. Peliharalah kami serta generasi yang mewarisi kami, daripada terlibat dalam apa jua unsur negatif yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga, masyarakat dan negara.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.